

SENARIO SEBUAH HALAMAN WEB

Sebuah laman WEB bukan sekadar ia diisi dengan maklumat tertentu yang boleh diajukan kepada dunia, malah boleh menyedarkan dunia akan kehadiran kita sebagai seorang daripada komuniti siber. Dengan memiliki dan menguruskan halaman itu dari masa kesemasa akan memberi satu perasaan dimana kita adalah sebahagian daripada elemen yang bergerak aktif dan dinamik di atas muka bumi ini. Idea yang anda lemparkan melalui laman web boleh dicapai oleh pengunjung dari diseluruh dunia tanpa sempadan.

Maklumat dan keterampilan anda di dunia siber ibarat satu perjuangan. Anda sebenarnya akan bersaing dan akan sedaya upaya menonjolkan diri agar pengunjung yang anda harapkan mendekati anda melalui laman yang menarik.

Bila anda merancang untuk membina sebuah laman WEB, bermulalah satu dunia baru yang akan diterokai. Anda tidak perlu banyak untuk mengetahui segala galanya mengenainya, anda boleh melakukan dan memulakan dengan asas yang sekadarnya sahaja. Walau bagaimanapun peningkatan pengetahuan yang berterusan akan memberi kejayaan yang lebih agar laman web anda menjadi lebih popular dari laman-laman web yang jumlahnya berjuta-juta pada waktu kini.

Laman web yang anda terbitkan; sesiapa sahaja yang mempunyai capaian internet dan menggunakan perisian browser boleh melihatnya. Anda boleh mengiklankan produk dan khidmat anda, pertubuhan dan syarikat dimana anda menjadi salah seorang ahlinya atau ingin menerbitkan pekeliling, newsletter, buletin, katalog barangan, perkhidmatan atau apa saja yang bercorak peribadi dan keluarga. Ia boleh menghubungkan anda dengan mereka-mereka yang lain.

Laman web anda sebenarnya tersambung dalam satu jaringan komputer yang amat besar, sama seperti jaringan talifon dimana laman anda boleh dihubungi dengan alamat yang tertentu. Laman web memerlukan satu alamat untuk komputer lain mendapatkannya. Fail-fail laman web anda juga mesti sentiasa boleh dicapai sepanjang masa. Untuk itu anda memerlukan sebuah server bagi menyimpan laman anda disana yang akan beroperasi sepanjang masa serta mendapat satu alamat laman yang khusus.

Alamat ini dinamakan URL. Ia direngkaskan dan dipermudahkan dengan perkataan seperti <http://saona.org/anda/> walaupun sebenarnya ia adalah didalam bentuk alamat berangka (IP). Http bermakna "Hyper text Transport Protocol". Kata lain ia membawa tujuan " *saya mahu menghubungi ke laman web melalui internet yang berlamat sekian*"..www.saoa.org/anda/. Manakala [www.saona.org/..](http://www.saona.org/) pula di gelar URL (Universal Resource Locator).

Seperti dinyatakan diatas, anda merekacipta sebuah laman web di komputer anda. Fail-fail daripada laman web yang dicipta boleh dilihat menggunakan broser web yang dipasangkan pada komputer anda tersebut. Namun orang lain tidak dapat melihat laman

web anda itu jika komputer anda tidak dirangkaikan ke jaringan internet. Jika ada rangkaian pun (anda menjadikan komputer anda sebagai server), anda tidak mungkin untuk mengoperasikan komputer anda itu sepanjang masa agar orang lain boleh mencapainya pada setiap masa. Malah ini juga amat berbahaya jika komputer anda tidak dilindungi daripada di salah konfigurasi oleh orang lain. Dan yang pastinya orang tidak dapat mengenali alamat komputer anda secara yang biasa dan sepatutnya. Bagi mengatasi masalah itu kita memerlukan satu tempat untuk meyimpan semua fail laman web anda disatu tempat. Tempat ini kita namakan server atau web hosting. Anda juga boleh mendapatkan alamat-alamat web anda melaluinya. Banyak web hosting memberi perkhidmatan untuk meyimpan dan menjalankan fail-fail anda disana secara percuma atau berbayar. Server ini akan disambungkan ke rangkaian internet secara terus menerus. Cara sedemikian adalah pilihan terbaik bagi anda yang mempunyai komputer peribadi.

Kata lain, untuk mencapai halaman web dari seluruh pelusuk dunia anda perlukan satu rangkaian yang dihubungkan kepada komputer anda. Ia dilakukan dengan mendaftar ke pembekal khidmat internet (ISP). Dengan menggunakan perantaraan modem, anda boleh mendail ke pembekal ini untuk disambungkan ke jaringan internet yang melaut itu. Bermulalah anda boleh melayari setiap laman dan juga boleh menggunakan lain-lain kemudahan seperti mengirim maklumat dengan cepat menggunakan email. Untuk memaparkan di komputer anda, perisian browser diperlukan. Perisian ini membolehkan ia memahami bahasa yang disampaikan melalui jaring dan diproses oleh komputer ke monitor dan lain-lain peranti.

Sejarah awal laman web

Laman web merupakan salah satu elemen pada internet yang bermula sejak tahun 60an oleh Jabatan Pertahanan USA. Ia berkonsepkan agar jaringan komunikasi tidak mudah dimusnahkan/dilumpuhkan oleh satu-satu kerosakan setempat. Seterusnya internet ini digunakankan bagi kerja penyelidikan sains dan akhirnya kini terbuka untuk tujuan komersil. Pada peringkat awal penggunaan laman web (tahun 80an di CERN (European Particle Physics Laboratory) oleh Tim Berners-Lee yang menjadi pemrogram pertama.) maklumat di sampaikan dengan keadaan yang amat daif. Pembangunan Sepanjang tahun 90an dibangunkan pula perisian browser berasaskan UNIX sehingga terbinanya pula broser yang lebih mesraguna bagi X-Windows dan seterusnya Windows oleh Microsoft pada 1993. Diikuti pula oleh Netscape. Sebenarnya 1994 adalah bermulanya laman-laman WEB di komersilkan dengan kewujudan lebih kurang 1500 halaman pada ketika itu. Sekarang maklumat boleh disampaikan dengan cukup pantas dan lengkap dengan pelbagai ciri seperti warna, font, grafik, bunyi, video dan amat mudah melompat dari satu dokumen ke dokumen yang lain.

Apakah sebenarnya WEB ?

Sebenarnya halaman web yang anda lihat di monitor komputer adalah hasil terjemahan perisian browser seperti Netscape atau Internet Explorer ke atas bahasa komputer yang digelar HTML (Hyper text Markup Language). Bahasa ini terdiri dari rangkaian kod-kod yang ditaip oleh pereka laman web. Setiap kodnya bermula dengan (<

dan >. Ia mewakili arahan arahan kepada browser untuk melaksanakannya bagi membentuk table, warna, tulisan teks, bunyi dan dan sebagainya lagi. Jika anda ingin melihat kod HTML sesubah laman web yang sedang anda lihat ada klik saja pada view (browser Iexplorer) seterusnya source dan notepad akan memaparkan fail tersebut. Sebagai contoh ;

```

hello.htm - Notepad
File Edit Search Help
<html>

<head>
<meta http-equiv="Content-Language" content="en-us">
<meta http-equiv="Content-Type" content="text/html; charset=windows-1252">
<meta name="GENERATOR" content="Microsoft FrontPage 4.0">
<meta name="ProgId" content="FrontPage.Editor.Document">
<title>example</title>
</head>

<body bgcolor="#0000FF">

<p>hello</p>
<p>tek nerah</p>
<table border="1" width="100%">
  <tr>
    <td width="50%">table</td>
    <td width="50%">&nbsp;</td>
  </tr>
</table>
<p></p>
<p><a href="http://saona.org">link</a></p>

</body>
</html>

```

Anda pasti mengerut muka melihat kod-kod yang dipaparkan. Kelihatan amat rumit dan semak terutama bagi sebuah laman web yang canggih. Jika anda ingin membuat sebuah laman web anda **mesti** menghasilkan fail sebegini. Menulisnya melalui notepad dan berkerja dalam suasana yang membosankan.

Benarkah begitu?

Anda jangan putus asa untuk memiliki sebuah laman web sendiri. Sebenarnya anda tidak perlu bersusah payah untuk belajar kod-kod ini secara serius. Tanpa mengetahuinya juga anda boleh membuat laman web anda. Ini kerana pada masa kini banyak program membuat laman web yang boleh melakukannya untuk anda. Apa yang anda perlu hanyalah sebuah perisian tersebut. Contoh perisian yang popular ialah Frontpage, Drem Weaver, Piggmill , aolpress dan banyak lagi. Kebanyakan program tersebut melaksanakan pembuatan laman secara WYSIWYG (what you see is what you get)yang bermaksud anda melakukan kerja peyuntingan sama seperti anda melakukan kerja menaip biasa , menambah grafik, membuat table dan apa yang anda sunting akan begitulah hasilnya pada laman web anda nanti. Program-program tadi akan menukarkan suntingan anda kepada HTML. Fail HTML yang telah disiapkan boleh anda muat-turunkan ke server kelak.

Langkah awalan bagi membina Sebuah Laman WEB

- Sebuah laman web adalah berguna dan menarik jika ia boleh dirangkaikan ke halaman-halaman lain dengan mengklik mouse di tempat-tempat yang diaktifkan di muka suratnya.
- Selain itu sebuah laman web yang hendak di buat harus dirancangkan terlebih dahulu.

Ingat! Laman WEB yang hendak dibina bukan sekadar untuk tontonan kita sahaja. Ia sepatutnya menjadi sebuah laman bermaklumat untuk semua orang. Sekiranya ia tidak dirancang dengan baik, halaman akan jadi tersorok dan tidak diendahkan oleh pelawat-pelawat yang dahagakan sesuatu di ruang siber ini. Ketrampilan laman web anda dengan maklumat yang sensasi adalah kekuatan yang perlu diketengahkan.

Cabaran utama ialah merekakan sebuah laman web yang disenangi pengunjung. Malah pengunjung tidak jemu untuk melawatinya selalu. Tidak kira apakah tujuan mereka, bilangan pengunjung yang besar serta kekerapan mereka mengunjungi laman anda bermakna kerja anda adalah berbaloi. Anda telah berjaya meyampaikan sesuatu untuk maksud anda. Jika untuk tujuan promosi ia merupakan satu kejayaan. Jika untuk berhubungan anda nampaknya anda seorang yang disukai. Banyak boleh dilakukan untuk cabaran ini, tidak perlu kepada kaedah-kaedah tidak bermoral seperti penyiaran gambar tidak senonoh, meniplak dan sebagainya.

- Cuma anda perlu mengenal pengunjung anda dan berkreaitif malah sentiasa berinovatif untuk melayani keinginan mereka.

Cabaran lain ialah memastikan laman web anda berfungsi dengan baik, terutama dalam jalinan antara dokumen dokumen. Kecepatan dan Kelicinan lawatan dari satu dokumen ke satu dekumen oleh pengunjung banyak mempengaruhi mood pengunjung kepada sesbuah laman web.

- Anda perlu mengujinya pada semua browser dan lain-lain langkah sebelum ianya di simpan kemana-mana server yang anda pilih..

Fail-fail HTML laman web anda perlu dipindahkan ke komputer server (ISP's Web Server).

- Anda boleh mendaftarnya di server percuma seperti fortunecity, geocities, tripod degna pergi ke laman web mereka. Jika anda berjaya mendaftar disana, anda akan diberi user name dan password bagi anda dibenarkan memuatturankan fail-fail HTML dan lain-lain fail grafik, midi dan sebagainya ke server mereka.
- Pemindahan melalui internet ini boleh dilakukan samada melalui kemudahan pembekal tersebut atau melalui program FTP (file transfer protocol) yang anda ada.

Bagaimana sekarang..pastikah anda inginkan sebuah laman web ? Mulakan langkah anda. Mempunyai laman web sendiri memberikan kepuasan yang sukar dijelaskan. Laman web boleh membantu anda dalam banyak perkara.